

Dalam Adat Perpatih yang dikatakan bercorak demokratis itu, sebahagian besar rakyat tidak berhak untuk menjadi atau memegang jawatan Datuk Undang Luak, juga tidak mempunyai syarat-syarat yang termesti. Padahal jawatan tersebut adalah satu jawatan yang dipilih oleh orangramai.

ADAT PERPATIH TIDAK DEMOKRATIS

H. A. HAMIDI JORA

Ada orang berkata Adat Perpatih adalah suatu amalan hidup yang demokratis, suci-murni dan tidak bertentangan dengan ajaran Islam. Tetapi bagi saya yang lahir dan dibesarkan di Negeri Sembilan, sehingga hari ini masih belum dapat menerima kebenaran kata-kata ini. Malah saya berpendapat Adat Perpatih tidak demokratis dan bertentangan pula dengan ajaran Islam.

Dalam sebuah negara demokrasi, seseorang rakyat berhak menikmati kebebasan bercakap, menulis, berfikir dan menjalani penghidupan menurut aturan-aturan yang tidak terkeluar dari landasan undang-undang. Begitu juga seseorang rakyat berhak mendapat keadilan undang-undang. Seseorang rakyat boleh mencapai cita-cita hingga menjadi seorang Perdana Menteri jika menurut saluran-saluran yang tertentu.

Tetapi dalam Adat Perpatih yang dikatakan bercorak demokratis itu, sebahagian besar rakyat tidak berhak untuk menjadi atau memegang jawatan Datuk Undang Luak, jika tidak mempunyai syarat-syarat yang termesti. Padahal jawatan tersebut adalah satu jawatan yang dipilih oleh orangramai. Tetapi maksud orangramai di sini bukanlah seperti pengundi-pengundi dalam pilihanraya. Orangramai yang berhak memilih seseorang Datuk Undang adalah terhadap kepada segelintir anggota masyarakat, yang selalunya terdiri dari golongan satu-satu suku tertentu sahaja (di Negeri Sembilan terdapat sebanyak 12 suku).

Mereka yang memilih dan calon bagi jawatan itu bukan pula terdiri dari golongan bangsawan, malahan terdiri dari rakyat biasa sahaja. Dengan itu terdapat perbezaan hak di antara satu suku dengan suku yang lain. Pernah berlaku calon-calon yang berjaya bukanlah hasil dari pilihan orangramai, tetapi dari kata pemutus yang dibuat oleh pihak yang di atas. Dengan itu demokrasi tidak

lagi wujud sebagaimana yang diperkatakan oleh setengah-setengah orang. Dan sepanjang yang saya tahu, mereka yang memuji Adat Perpatih adalah semata-mata kerana hendak menjaga kepentingan politik dan kedudukan yang istimewa.

Di samping itu terdapat pula perbezaan di kalangan bawahan (grass root level) dalam kehidupan sehari-hari. Dari segi adat, orang semenda dianggap sebagai orang mendatang dalam sesuatu keluarga atau suku. Perbezaan jelas ternampak semasa diadakan sesuatu majlis keramaian seperti majlis perkahwinan. Bagi orang semenda yang terdiri dari orang yang tinggi kedudukan pangkat atau jawatan mereka tidaklah terlalu dianggap rendah seperti orang semenda yang biasa (maksud saya mereka yang tidak mempunyai apa-apa hendak disegani). Bagaimanapun orang semenda mengikut perbilangan adalah "disuruh pergi, dipanggil datang". Mereka dinilai kebolehan mereka seperti kata-kata, "Kok tepok disuruh menjaga jemu-ran, kok buta disuruh menghembus lesung, kok tuli disuruh membakar meriam, kok bijak diharapkan buah fikiran, kok kaya hendakkan ringgitnya." Sepatutnya, pepatah tersebut tidaklah timbul bagi orang-orang semenda, apatah lagi jika benar-benar adat ini bercorak demokratis. Dalam sistem demokrasi, rakyat harus menikmati persamaan hak dan sepatutnya tahu akan tanggungjawab masing-masing terhadap diri sendiri, masyarakat seterusnya kepada negara. Walaupun di masa ini keadaan telah beransur berubah dan ramai tidak hiraukan sangat kedudukan masing-masing dari segi adat seperti orang semenda tidak hirau sama ada ia orang semenda atau tidak tapi bila membincangkan soal adat, perbilangan-perbilangan demikian masih digunakan; terutama oleh mereka yang masih kuat berpegang kepada adat.

Kedudukan seorang suami dalam Adat Perpatih tidak sama seperti kedudukan

seorang isteri di samping suami dalam ugama Islam di mana semua harta suami adalah juga harta kepada si isteri. Dalam adat, rasa kepunyaan tidak ada langsung bagi suami terhadap harta pusaka isterinya. Perasaan menumpang rumah atau tanah kepunyaan isteri sangat-sangat dirasakan oleh seseorang suami jika hidup berkeluarga dengan keluarga isterinya.

Oleh itu tidak hairanlah jika tanah pusaka banyak yang tidak begitu produktif dari segi ekonomi. Daya utama dan daya usaha mengerjakan tanah pusaka seperti mengerjakan sawah padi selalunya datang dari si isteri. Si suami hanya menurut, mungkin kerana terpaksa menjalankan tanggungjawab terhadap anak dan isteri. Kaum laki-laki akan lebih berminat atau bersungguh-sungguh mengerjakan jika tanah itu tanahnya sendiri dan tidak hairanlah kalau ramai yang menyertai rancangan tanah pinggir atau terus berhijrah ke rancangan tanah FELDA.

Jika berlaku perceraian atau si isteri meninggal dunia, si suami terpaksa berundur atau turun dari rumah bekas isterinya (jika tinggal di tanah pusaka isteri) walaupun semasa hidupnya mereka bersama-sama membina rumah itu. Jika berlaku keadaan seperti ini, maka timbulah kata-kata "Cari bahagi, dapatan tinggal." Jika rumah yang dibina di atas tanah kepunyaan isteri (tanah pusaka) maka rumah itu terpaksa ditinggalkan. Jika pokok buah-buahan telah ditanam, maka buah-buahan itu nanti tidak akan dapat dirasa. Jika ada anak perempuan hasil dari perkahwinan itu, maka anak itulah yang bakal mewarisi rumah atau pokok buah-buahan itu. Jika tidak ada anak perempuan, maka tanah, rumah dan dusun buah-buahan itu akan diwarisi oleh saudara-saudara perempuan isterinya, sama ada adik-beradik yang perempuan, ibu saudara dari sebelah ibu atau mungkin jatuh ke tangan orang lain dalam lingkungan keluarga isterinya yang tidak ada kena-mengena dengan si suami tadi.

KELUAR RUMAH

Anak laki-laki tidak berhak langsung ke atas harta pusaka peninggalan ibunya. Mungkin inilah satu dari sebab mengapa kaum laki-laki tidak begitu berminat membuat rumah di atas tanah kepunyaan isteri. Berlakunya sesuatu perpisahan memaksa seseorang laki-laki keluar dari rumah itu, mencari tempat tinggal yang baru bagi meneruskan penghidupannya.

Mass-media boleh dimanipulasikan untuk mencapai sesuatu tujuan tertentu; tetapi yang lebih penting ialah betapa manipulasi itu dilaksanakan. Adakah secara kasar, mendadak atau halus dengan memberikan pertimbangan kepada saikoloji masyarakat? Adakah kita menganggap publik sebagai "khalayak terperangkap" atau khalayak bebas yang mampu memberi di samping menerima?

soal kejituan mass-media

Satu ciri terpenting yang boleh menentukan berkesan atau tidaknya mass-media ialah "kejituan" atau *credibility*. Ciri ini boleh diuji dengan berbagai cara, baik sengaja atau tidak sengaja, baik secara langsung atau tidak langsung.

Tanpa kejituan, mass-media pasti tidak bererti langsung, kerana publik tidak bersedia untuk merujuk kepadanya untuk mendapatkan pengesahan berita dan perkhabaran. Bila lojik ini dikembangkan seterusnya, bererti lah *public confidence* terjejas sama sekali. Dengan itu apa yang dinyatakan oleh mass-media, publik akan memberikan pengertian sebaliknya ataupun memberikan kepercayaan sepuluh, dua puluh atau lima puluh peratus. Inilah agoninya jika mass-media tidak digunakan sebijak-bijaknya tanpa memahami prinsip fungsi mass-media yang halus dan mendalam.

Sebagaimana institusi-institusi lain, mass-media boleh dimanipulasikan untuk mencapai sesuatu tujuan tertentu; tetapi yang lebih penting dalam

hal ini ialah betapa manipulasi itu dilaksanakan. Adakah secara kasar, mendadak atau secara halus dengan memberikan pertimbangan kepada saikoloji masyarakat? Adakah kita menganggap publik sebagai "khalayak terperangkap" (*captured audience*) atau khalayak bebas yang mampu memberi di samping menerima?

Kemungkinannya ialah kedua-dua jenis khalayak itu ada. Yang pertama mungkin terdiri dari anak-anak dan mereka yang oleh kerana perkembangan latarbelakangnya hanya menerima. Yang kedua mungkin terdiri dari mereka yang mampu berfikir, meskipun daya pemikiran mereka tidak dicetuskan oleh pelajaran formal. Bila diletakkan dalam perspektif yang luas, golongan kedua itu boleh memainkan peranan yang lebih berkesan, justru berfungsi kuat. Dengan kata-kata lain, mereka mampu menjadi "pemimpin pendapat" (*opinion leader*).

Penggerak mass-media ialah manusia. Radio, TV dan akhbar perlukan pemberita untuk membuat berita dari

kejadian yang disaksikannya. Dia adalah manusia biasa, malah sering merupakan salah seorang dari orangramai yang menyaksikan kejadian itu. Apa yang disaksikan adalah sama. Yang berbeza ialah si pemberita mempunyai saluran yang jelas untuk melaporkan kejadian itu, sedangkan orangramai hanya mempunyai mulut untuk bertutur. Satu pihak menyebarkan berita menerusi Radio, TV atau akhbar, dan satu pihak lagi menyebarkan berita dari satu mulut ke satu mulut.

Di situlah terletak ujian pertama kejituan mass-media. Jika mass-media melaporkan kejadian sebenarnya, orangramai akan membuat anggukan kagum. Jika tidak, orangramai akan bercakap lebih rancak sambil memberikan hukuman kepada mass-media. Dan dari situlah juga apa yang dikatakan khabar angin akan merebak. Dalam prosesnya, khabar angin akan mengandungi unsur-unsur kebenaran dan kepalsuan yang terus mencabar berita-berita yang dilaporkan

Ia tidak mungkin dapat tinggal lama di rumah ibunya kerana telah didiami oleh keluarga saudara-saudara perempuannya.

Bagi laki-laki Negeri Sembilan yang bercita-cita hendak menetap di kampung, terpaksa berkahwin dengan gadis dari Negeri Sembilan sahaja untuk mendapat tempat, jika tidak mempunyai tanah sendiri. Luputlah harapan untuk menetap di kampung jika ia berkahwin dengan gadis luar dan tidak pula mempunyai harta sendiri. Kepada laki-laki seperti ini, cabaran hidup adalah sangat hebat, lebih-lebih lagi sekarang begitu sukar untuk mendapatkan tanah. Mereka yang

seperti ini sering saja mempersoalkan kemurnian Adat Perpatih?

HAK DAN TANGGUNGAN

Saya katakan Adat Perpatih bertentangan dengan ajaran Islam ialah kerana dalam ugama Islam, Allah telah menciptakan undang-undang dan peraturan hidup untuk diamalkan sepenuhnya bagi kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Undang-undang Islam adalah adil dan sak-sama. Kaum laki-laki dan kaum perempuan telah ditetapkan hak dan tanggungjawab masing-masing. Dalam soal pem-

bahagian harta pusaka, Islam telah lebihkan bahagian untuk kaum laki-laki kerana kaum laki-lakilah yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap ahli-ahli keluarganya. Tapi dalam sistem Adat Perpatih, harta pusaka seratus-peratus dimiliki oleh kaum perempuan sedangkan tanggungjawab masih lagi terletak di tangan laki-laki. Di sinilah letaknya ketidakadilan Adat Perpatih.

Kononnya Adat Perpatih hendak menjaga kaum perempuan supaya tidak menderita. Dengan itu, seolah-olah hukum Islam yang dicipta oleh Allah itu tidak berapa sempurna dan tidak menjamin

kan oleh mass-media. Dari segi definisi, khabar angin adalah berita yang tidak disahkan. Sebaliknya jika publik tidak mahu mempercayai berita-berita yang disahkan, samalah kedudukannya dengan khabar angin.

Sebenarnya khabar angin boleh berkembang rancak dan menjelma sebagai berita yang layak dipercayai sekiranya kejituan mass-media tergugat. Dan berita angin, baik benar atau tidak, boleh memainkan peranan yang baik dan tidak baik. Dalam kajian akademiknya, Shibutani, seorang Jepun warganegara Amerika Syarikat, mengemukakan bagaimana khabar angin yang meniup kencang di negeri Jepun, selepas Jepun kalah perang dunia kedua dulu, telah menolong mengembalikan keadaan sediakala, seolah-olah orang-orang Jepun menerima pujukan dari langit. Ketika itu Jeneral McArthur dari Amerika Syarikat mendarat di Jepun untuk menduduki negeri itu selepas kalah perang. Perasaan penduduk Jepun sebelum ketibaan jeneral tersebut ialah sesuatu yang menggerunkan, kerana mereka percaya Jeneral McArthur yang pernah tewas di tangan tentera Jepun di Pulau Bataan di Filipina tentulah akan membalas dendam, tanpa mengira perikemanusiaan lagi. Pemikiran begitu memang dirasakan oleh sebaik-baik orang Jepun, kerana askar-askar Jepun sentiasa bersikap garang walaupun dalam kemenangan, apalagi mencapai kemenangan setelah kekalahan. Namun

apa yang ditakuti itu tidak berlaku. Jeneral McArthur membuktikan dirinya sebagai pemimpin tentera yang diplomatis, mesra dan bukan pendendam, sekurang-kurangnya itulah yang dirasakan oleh penduduk Jepun ketika itu. Jadi tercetuslah khabar angin kononnya Jeneral McArthur itu berketurunan Jepun. Neneknya dikatakan adalah orang Jepun dan dibesarkan di Jepun sebelum berpindah ke Amerika. Ada pula yang mengatakan beliau menerima nasihat dari neneknya yang masih hidup ketika itu di Jepun supaya membuat Jepun negerinya sendiri. Shibutani merumuskan bahawa rasa kagum dan kehormatan yang diberikan oleh penduduk Jepun kepada Jeneral itu, hasil dari khabar angin begitu, mengatasi apa yang dirasakan terhadap Maharaja Hirohito. Hakikat itu memberikan sumbangan yang tidak bernilai terhadap usaha Jeneral itu, bagi pihak Amerika dan pihak berikat, untuk memulihkan keadaan sediakala dan menggubalkan perlembagaan baru bagi Jepun.

Ini adalah satu kesan khabar angin yang baik. Tetapi kesan yang selalu dialami ialah yang tidak sihat. Kita tidak mahu mengingatkan kembali *performance* mass-media semasa peristiwa 13 Mei 1969 dulu sehingga terpaksa ditubuhkan Pusat Penyelarasan Berita. Contoh-contoh pertelagahan kulit hitam dengan kulit putih di Amerika sudah terlalu banyak. Peristiwa Ru-

suhan Watts di California beberapa tahun dulu adalah akibat ketidak-
jituan mass-media yang berat sebelah dalam pemberitaannya. Begitu juga ketika pembunuhan Presiden Kennedy dalam tahun 1963 dulu. Rakyat Amerika menjadi panik kerana untuk beberapa hari mass-media memberikan butir-butir bertentangan antara satu sama lain. Boleh dikatakan semua akhbar yang berjumlah lebih 1,000 buah memberikan cerita dan berita berlainan. Begitu jugalah beberapa ratus buah stesen radio dan TV. Sehingga penduduk-penduduk negeri itu hanya bergelut di depan TV untuk melihat berita-berita bergambar saja, tanpa mempedulikan berita latar belakang dan berita dari sumber ketiga.

Di Malaysia menteri-menteri kabinet adalah menjadi berita dan sumber berita terpenting. Ini dengan sendirinya menjadi beban bagi mereka untuk menjaga kejituan, bukan saja sebagai ahli politik, tetapi juga sebagai rujukan kewibawaan. Jika menteri A mengatakan penjahat-penjahat komunis mati kebuluran, dan seminggu kemudian menteri B menegaskan penjahat-penjahat itu mati kerana memakan buah beracun, dan beberapa bulan kemudian Perdana Menteri pula berkata bahawa tidak mungkin orang boleh kebulur di Malaysia, sedangkan penjahat di hutan tidak lapar, maka dengan sendirinya kejituan mass-media dan kewibawaan tokoh-tokoh itu menimbulkan tanda tanya.

kan nasib kaum perempuan. Setahu saya, semua hukum Islam adalah sesuai diamalkan di mana-mana dan pada bila-bila masa sahaja. Terpulanglah kepada kebijaksanaan manusia sendiri menjalankan undang-undang syarak itu. Jika berlaku kelemahan di mana-mana, bukanlah hukum itu yang tidak begitu baik, mungkin manusia itu sendiri yang tidak begitu betul mentadbirkannya. Dari kenyataan yang terdapat sekarang, nyatalah adanya hukum Islam yang tidak dipakai di Negeri Sembilan, sebaliknya undang-undang ciptaan manusia yang lebih diutamakan. Dengan itu bukanlah adat bersendikan

syarak tetapi sebaliknya syarak bersendikan adat.

Tidak pula bererti saya menentang hak perempuan, apatah lagi jika adik-beradik mendapat harta pusaka, tetapi terdapat kekurangan atau kelemahan yang lebih merupakan suatu peraturan hidup yang tidak berpatutan. Berapa ramaikah laki-laki yang berasal dari Negeri Sembilan yang sekarang tidak balik-balik lagi ke kampung asal mereka kerana tanah tum-pah darah mereka telah menjadi suatu tempat yang asing bagi mereka? Jika masih ada lagi ibu, maka masih ada

juga tempat mengharapkan kasih di kampung tetapi jika sudah tidak ada lagi ibu, maka jadilah ia seorang yang seolah-olah orang luar di kampung sendiri.

Setakat mempunyai saudara perempuan, belum lagi merupakan paspot untuk balik ke kampung untuk menikmati semula suasana alam sekitar itu, kerana pada hakikatnya, sayang saudara sama berada. Jika mereka berkedudukan tinggi atau mempunyai sesuatu yang boleh menarik perhatian saudara-mara, maka memanglah pada bila-bila masa sahaja mereka dapat diterima dengan gembira.